

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN AKHIR
SESI I: 2022/2023**

SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN

**SMP 30093
MOTION GRAPHIC**

Dua (2) Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Jawab semua soalan.

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan:

Soalan 1

“Teaser pengiklanan merupakan cara promosi yang penting dalam meningkatkan jualan sesebuah produk pengiklanan. Teaser yang menarik akan menyebabkan lebih ramai pengguna untuk melakukan pembelian”.

Anda dikehendaki untuk menghasilkan video kesan khas **teaser pengenalan produk** dengan mengaplikasikan elemen kesan khas visual (VFX) dan audio (SFX) dengan durasi yang bersesuaian antara 10 hingga 30 saat. Anda bebas memilih produk yang bersesuaian untuk diiklankan.

CLO 3

Saiz video adalah 1920pxl x 1080pxl dengan saiz frame 30fps manakala format video adalah .mp4. Video yang telah dihasilkan hendaklah dimuat naik ke google drive yang telah ditetapkan oleh pensyarah.

Proses menghasilkan video kesan khas ini perlu berpandukan kepada kriteria-kriteria berikut:

- a) Menghasilkan video kesan khas dengan mengaplikasikan elemen VFX dan SFX
 - i. Aplikasi elemen-elemen tipografi yang bersesuaian. (10 markah)
 - ii. Aplikasi elemen-elemen grafik yang bersesuaian. (10 markah)
 - iii. Hasilkan animasi menggunakan teknik yang bersesuaian. (15 markah)
 - iv. Hasilkan kesan khas yang menggunakan teknik komposit digital yang bersesuaian. (20 markah)

- v. Pamerkan kesan khas Visual Effects (VFX) yang bersesuaian ke dalam *motion graphic* yang dihasilkan. (15 markah)
- vi. Pamerkan kesan khas Sound Effects (SFX) yang bersesuaian ke dalam *motion graphic* yang dihasilkan. (10 markah)
- vii. Masukkan audio/muzik yang bersesuaian (10 markah)
- b) Menunjukkan hasil akhir
 - i. Tunjukkan hasil video akhir yang sangat berkualiti memenuhi kehendak soalan. (5 markah)
 - ii. Tunjukkan hasil video akhir yang sangat menarik memenuhi kehendak soalan. (5 markah)

SOALAN TAMAT**Selamat Menjawab**